

BAHAGIAN IV

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

- KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022



STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

- KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022

1.1. Jabatan Audit Negara (JAN) komited membantu kementerian/jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan pantas mengenai tindakan yang telah/sedang diambil melalui pengemaskinian maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.

1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN oleh kementerian/jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri. Ia sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon (traffic light icons) iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan), Kuning (dalam tindakan)** dan **Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada kementerian/jabatan/agensi negeri dan syarikat Kerajaan negeri untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan *"Auditors should follow up previous audit findings and recommendations wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and*

impacts of all relevant corrective actions". Selain itu, perenggan 60, ISSAI 400 menyatakan "A follow-up process facilitates the effective implementation of corrective action and provides useful feedback to the audited entity, the users of the audit report".

1.5. Pelaporan mengenai status susulan melalui AGD dalam LKAN adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [Akta 62]. Setakat 31 Disember 2022, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 77 kajian di jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Liputan susulan terhadap isu Audit yang dilaporkan bagi tahun 2011 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN ISU SETAKAT 31 DISEMBER 2022


| TAHUN | BILANGAN KAJIAN (Bilangan Diaudit) | SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul) |
|---------------|---------------------------------------|---|
| 2011 | 2 | 2 |
| 2012 | 1 | 1 |
| 2013 | 13 | 44 |
| 2014 | 16 | 67 |
| 2015 | 12 | 76 |
| 2016 | 10 | 122 |
| 2017 | 7 | 76 |
| 2018 | 10 | 44 |
| 2019 | 6 | 48 |
| JUMLAH | 77 | 480 |

Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD pada 31 Disember 2022

Nota: Statistik yang Dipaparkan Adalah Berdasarkan LKAN yang Telah Dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sahaja.


1.6. Setakat 31 Disember 2022, terdapat 480 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2019 mengenai aktiviti dan pengauditan pematuhan Kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Sebanyak 472 isu (98.3%) daripada keseluruhan isu tersebut telah Selesai manakala 8 isu (1.7%) masih Dalam Tindakan oleh Kementerian/jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2011 HINGGA 2020 SETAKAT 31 DISEMBER 2022




Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD Pada 31 Disember 2022

CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM LKAN
MENGIKUT TAHUN SETAKAT 31 DISEMBER 2022



Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD Pada 31 Disember 2022

1.7. Setakat 31 Disember 2022, sejumlah 8 (1.7%) daripada 480 isu yang masih Dalam Tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2019. Bilangan isu Dalam Tindakan yang tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2019 iaitu sebanyak 8 isu. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus Dalam Tindakan mengenai aktiviti dan pengauditan pematuhan jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Sarawak boleh diakses melalui sistem AGD menggunakan *QR Code* seperti berikut.



Nota: Maklumat yang dipaparkan semasa imbasan melalui *QR Code* adalah yang terkini.

1.8. Kementerian/Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Sarawak adalah disyorkan untuk terus komited melaksanakan tindakan penambahbaikan. JAN berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.